

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN [PETALING
JAYA SELATAN]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI munasabahnya menaikkan harga gas NGV sebanyak 37 sen daripada 68 sen seliter ke RM1.05 seliter sehingga menaikkan kos operasi operator teksi dan menjejaskan pendapatan perusahaan teksi.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, produk NGV sebenarnya ialah *Compressed Natural Gas* (CNG) yang dipasarkan di beberapa lokasi di Malaysia oleh PETRONAS. Walaupun harga minyak global semakin menurun tetapi Kerajaan terpaksa menaikkan juga harga CNG baru-baru ini disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah harga NGV sudah lama tidak disemak di mana penetapan harga bagi CNG sebanyak RM0.68/liter telah dibuat 10 tahun yang lalu pada tahun 2005. Penetapan harga ini dengan kos jualan CNG sebanyak 68 sen seliter iaitu di bawah kos pengeluaran menyebabkan pihak PETRONAS sehingga tahun 2014 mengalami kerugian kumulatif sebanyak RM3 billion (purata kerugian ditanggung adalah berjumlah sekitar RM200 juta setahun). Kerugian ditanggung PETRONAS dalam perniagaan CNG semakin bertambah selaras dengan pertambahan bilangan kenderaan yang menggunakan CNG khususnya melibatkan kenderaan pengangkutan awam seperti teksi dan bas. Pada tahun 2014 sahaja daripada keseluruhan 56,945 kenderaan yang menggunakan CNG, sebanyak 55,135 buah (96.8%) melibatkan teksi.

Kerajaan telah melaksanakan langkah rasionalisasi subsidi tenaga sektor pengangkutan melibatkan petrol RON 95 dan RON 97 bagi mewujudkan persekitaran ekonomi yang lebih cekap dan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Langkah rasionalisasi subsidi dan menyemak semula harga CNG penting dalam menjamin bekalan CNG yang berterusan serta menggalakkan penyertaan pembekal lain selain

daripada PETRONAS menyertai sebagai pemain baharu pada masa hadapan. Ini penting dalam mewujudkan pasaran baharu CNG yang lebih meluas dan memanfaatkan lebih ramai pengguna serta dapat mengurangkan pencemaran terhadap alam sekitar. Ini memandangkan pasaran CNG yang meluas akan menggalakkan penggunaan CNG yang lebih tinggi bagi menggantikan petrol dan diesel dan pembakaran CNG pula adalah lebih bersih daripada pembakaran bahan api petrol dan diesel.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesan kenaikan harga CNG sebanyak 37 sen pada 20 September 2015 telah diambilkira ke dalam struktur tambang teksi dan kereta sewa yang baharu yang telah dilaksanakan pada bulan Mac 2015 bertujuan supaya pendapatan pemandu teksi tidak akan terjejas. Kenaikan tambang teksi tersebut boleh membantu operator teksi menangani kenaikan kos operasi yang melibatkan penyelenggaraan kenderaan, kos tayar, kos bateri. Kos bahan api CNG dianggarkan 22% sahaja daripada keseluruhan kos operasi operator teksi. Dengan kenaikan tambang teksi yang telah dilaksanakan, isu kenaikan harga CNG tidak lagi berbangkit.

Pelaksanaan kenaikan harga di stesen NGV juga telah ditunda selama 6 bulan dari Mac 2015 ke September 2015 bertujuan memberi ruang yang mencukupi untuk pelarasan meter teksi. Ini adalah untuk memastikan bilangan pembekal perkhidmatan yang terhad boleh melaraskan semua meter teksi sebelum harga baharu CNG berkuat kuasa.

Usaha ini adalah untuk mengelakkan kesan harga CNG ke atas pendapatan pemandu teksi sebelum pelarasan meter dibuat.

Di samping itu, kenaikan harga berkenaan sebenarnya masih belum mencapai harga pasaran dan PETRONAS masih lagi memberi subsidi dianggarkan berjumlah 50 sen seliter.

Sekian, terima kasih.